



EAAFP MOP10/D1: PELAN STRATEGIK PERKONGSIAN EAST ASIAN – AUSTRALASIAN FLYWAY 2019-2028

Pengenalan

East Asian-Australasian Flyway (the Flyway) merangkumi 22 negara yang terbentang dari Timur Jauh Rusia dan Alaska, menuju ke arah selatan melalui Asia Timur dan Asia Tenggara, seterusnya ke Australia dan New Zealand. East Asian – Australasian Flyway adalah rumah kepada lebih dari 50 juta burung air hijrah dari 250 jenis populasi yang berbeza, termasuk 28 spesies terancam dari seluruh dunia. Semasa penghijrahan, burung air bergantung kepada rangkaian habitat yang produktif untuk berehat dan makan serta membina tenaga yang mencukupi untuk menyambung perjalanan seterusnya. Kerjasama antarabangsa dalam lingkungan jarak migrasi burung air adalah penting untuk memelihara dan melindungi burung air hijrah dan juga habitat mereka.

Pada tahun 2002, *World Summit on Sustainable Development* (WSSD) di Johannesburg, Afrika Selatan, Kerajaan Jepun dan Kerajaan Australia, bersama dengan Wetlands International, telah berjaya mencadangkan kerjasama tidak rasmi dan sukarela *Type II Partnership* demi pemuliharaan dan penggunaan lestari kawasan berkepentingan antarabangsa bagi burung air hijrah di Asia Timur, Asia Tenggara dan Australasia. *East Asian-Australasian Flyway Partnership* (EAAFP) dibentuk atas pencapaian *Asia-Pacific Migratory Waterbird Conservation Committee*, *Asia-Pacific Migratory Waterbird Conservation Strategy* (APMWCS), dan *Action Plans for Anatidae, Cranes and Shorebirds*. Sejak tahun 1996, strategi-strategi dan tindakan-tindakan tersebut telah meningkatkan kerjasama, koordinasi, dan aktiviti di peringkat antarabangsa untuk memulihara dan melindungi habitat penting burung air hijrah.

Pada November 2004, wakil-wakil dari 21 Kerajaan, organisasi *Inter-Governmental*, dan pertubuhan bukan kerajaan bertemu di Seosan, Republik Korea Selatan untuk membincangkan kerjasama serantau masa depan demi pemuliharaan burung air hijrah menggunakan model perkongsian *Type II Partnership*. Mereka mencapai persetujuan bahawa perkongsian ini akan meningkatkan kerjasama antara Kerajaan, organisasi *Inter-Governmental*, dan pertubuhan bukan kerajaan dan akan menyumbang ke arah pencapaian matlamat *Millennium Development Goals*.

Perkongsian *East Asian – Australasian Flyway Partnership* (EAAFP) telah dipersetujui pada akhir tahun 2006 di Bogor, Indonesia, ketika sembilan Kerajaan Nasional, dua organisasi *International Government Organisations* (IGO) dan enam *International Non-Governmental Organisations* (INGO) menandatangani bagi kerjasama pemuliharaan populasi burung air hijrah di Flyway. Kini, Perkongsian ini mencapai 37 keahlian termasuk 18 Kerajaan Nasional, lapan IGO, sepuluh INGO dan satu Rakan Kongsi Korporat.

Sumbangan kepada Usaha Pemuliharaan Burung Air Antarabangsa

Partnership Document mengiktiraf pembangunan dan mempromosikan rangkaian kawasan untuk burung air hijrah dan menyampaikan pembangunan keupayaan di peringkat tempatan untuk memastikan penyampaian perkhidmatan ekosistem yang mampan akan meningkatkan status pemuliharaan burung air hijrah.

Perkongsian ini menyumbang kepada pelaksanaan beberapa perjanjian *Inter-Governmental* dan rangka kerja antarabangsa lain, termasuk *Convention on Wetlands* (Ramsar), *Convention on*



Migratory Species, Convention on Biological Diversity (Resolutions 7.4 and 7.28), UNDP and UNEP Project Priorities and Guidelines, UNEP Water Policy and Portfolio of Water Actions disusun pada 3rd World Water Forum. Sokongan daripada Perkongsian sebagai satu inisiatif serantau dalam rangka kerja Ramsar Convention seperti yang dinyatakan dalam Resolusi 9.7 adalah satu pengiktirafan yang bermakna tentang kepentingan Perkongsian ini di dalam Flyway.

Tindakan Strategik untuk Melindungi Burung Air Hijrah dan Habitatnya

Semenjak 12 tahun yang lalu, kerjasama dengan Perkongsian EAAF telah dibentuk di bawah dua Pelan Pelaksanaan -) (2007-2011 dan 2012-2017).

Mengiktiraf bahawa burung air hijrah serta habitat pantai dan pedalaman masih di bawah tekanan yang sedang meningkat akibat pertumbuhan penduduk dan pembangunan ekonomi yang pesat. Terutamanya, di Asia timur dan Asia Tenggara, Pelan Strategik EAAFP 2019-2028 telah dibangunkan untuk membina dan meningkatkan usaha-usaha terdahulu bagi menangani tekanan yang memberi kesan kepada burung air hijrah dan habitatnya. .

Pelan Strategik juga telah mengiktiraf kepentingan untuk mencapai pembangunan ekonomi yang efektif bagi komuniti yang berkongsi kawasan dengan burung air hijrah disamping memastikan kualiti habitat yang diperlukan sentiasa tersedia untuk mengekalkan populasi burung air hijrah.

Seperti yang tertera di *Partnership Document*, Tujuan dan Matlamat Perkongsian EAAF adalah:

- Tujuan – menyediakan satu rangka kerja *flyway wide* untuk mempromosikan dialog, kooperasi dan kerjasama antara pelbagai pihak termasuk semua peringkat kerajaan, *ste manager*, perjanjian alam sekitar pelbagai hala, institusi teknikal, agensi UN, agensi pembangunan, sektor industri dan swasta, akademi, pertubuhan bukan kerajaan, golongan masyarakat dan penduduk tempatan untuk memelihara/Mburung air hijrah dan habitat mereka; dan,
- Matlamat – untuk melihat burung air hijrah dan habitat mereka di *East Asian – Australasian Flyway* diiktiraf dan dipelihara untuk manfaat orang ramai dan juga biodiversiti.

Tujuan dan Matlamat Pelan Strategik EAAFP 2019-2028

Tujuan dan Matlamat Pelan Strategik Perkongsian *East Asian – Australasian Flyway* 2019-2028 adalah susulan Tujuan dan Matlamat Partnership Document ini. Ini memperlihatkan usaha yang telah dilaksanakan semasa dua Pelan Pelaksanaan (2007-2011 dan 2012-2018) terdahulunya bertujuan membina dan memajukan objektif-objektif Perkongsian dengan hasil yang ketara bagi tempoh 10 tahun akan datang.

Struktur Pelan Strategik EAAFP 2019 – 2028

Lima Objektif yang ditetapkan dalam *Partnership Document* telah membimbing pembangunan Pelan Strategik EAAFP 2019 - 2028 bagi menyediakan Perkongsian dengan haluan strategik 10 tahun.

Lima Objektif Perkongsian seperti yang disebut dalam *Partnership Document* EAAF adalah:



Objektif 1 – Pembangunan Rangkaian kepentingan antarabangsa untuk pemuliharaan burung air hijrah di sepanjang East Asian- Australasian Flyway, membina pencapaian rangkaian APMWCS.

Objektif 2 - Meningkatkan komunikasi, pendidikan dan kesedaran awam tentang nilai-nilai burung air hijrah dan habitat mereka.

Objektif 3 – Meningkatkan aktiviti penyelidikan dan pemantauan *flyway*, membina pengetahuan dan menggalakkan pertukaran maklumat mengenai burung air dan habitatnya.

Objektif 4 – Membina habitat dan keupayaan pengurusan burung air untuk pengurus sumber semula jadi, pembuat keputusan dan pihak pemegang taruh tempatan.

Objektif 5 – Membangunkan, terutama sekali spesies dan habitat utama, dan meningkatkan status pemuliharaan burung air hijrah melalui *flyway wide approach*.

Pelan ini telah dibangunkan untuk menyediakan rangka kerja yang logik dan strategik yang akan membimbing pelaksanaan oleh ahli Rakan-rakan Kongsi, Sekretariat dan badan EAAFP (*Management Committee, Finance Sub-Committee, Technical Sub-Committee, Working Groups and Task Forces*) dalam usaha mereka untuk memulihara dan mengurus burung air hijrah dan habitatnya di EAAF secara mampu.

Unsur utama Perkongsian adalah pembangunan *EAA Flyway Site Network* untuk memastikan rangkaian kawasan *wetland* yang penting di peringkat antarabangsa diiktiraf dan diuruskan secara mampu pada masa hadapan. Populasi burung air bergantung kepada rangkaian kawasan ini untuk membolehkan mereka melengkapkan kitaran hidup mereka di *Flyway EAA*. Perkongsian ini juga menyokong pelbagai aktiviti untuk meningkatkan pengetahuan dan kesedaran terhadap burung air hijrah sambil membina keupayaan pengurusan dan pemuliharaan habitat burung air hijrah di sepanjang *Flyway EAA*.

Pelan Strategik ini menyediakan rangka kerja untuk mengendalikan lima Objektif yang dinyatakan dalam *Partnership Document EAAF*. Dibawah setiap Objektif, arahan strategik yang luas digariskan untuk menetapkan suasana untuk pembangunan *Key Result Areas*, Penanda, Cara-cara Pengesahan dan Entiti Pelaporan yang Bertanggungjawab.

Key Result Areas (KRAs) akan memberi panduan kepada Perkongsian untuk mencapai hasil yang lebih baik dan berkesinambungan sepanjang tempoh 2019-2028 untuk burung air hijrah dan habitatnya.

Penilaian dan Kajian

Laporan oleh ahli rakan kongsi kepada *Meeting of Partners* (MoPs) berkenan pelaksanaan aktiviti adalah komponen penting dalam menilai kemajuan sempena pelaksanaan Pelan Strategik. Adalah penting bagi laporan ini tersedia dengan secukupnya terlebih dahulu untuk MoP bagi membolehkan Sekretariat menyusun gambaran keseluruhan tugas Perkongsian.

Pelan Strategik boleh dikaji semula secara berkala jika dianggap perlu, bagi menunjukkan perkembangan kemajuan yang dilaksanakan oleh KRA atau sebagai tahap penanda. Walau bagaimanapun, Pelan Strategik ini bertujuan untuk memberi perspektif jangka panjang mengenai fungsi EAAFP, yang sepatutnya dicerminkan dalam sepanjang tempoh kesahihannya.

Laporan Pelan Strategik dan Rakan Kongsi membolehkan laporan yang mudah serta pemantauan perkembangan kemajuan dengan mencapai KRA yang ditetapkan dalam Pelan Strategik. Ahli Rakan-rakan kongsi digalakkan untuk menghasilkan pelan pelaksanaan Pelan Strategik ini di peringkat mereka sendiri.



Di samping itu, pelan kerja Sekretariat akan disediakan sebagai tambahan kepada Pelan Strategik. Pelan kerja Sekretariat akan menghubungkan KRA yang ditetapkan dalam Pelan Strategik untuk penerangan, aktiviti terancang, termasuk jadual, anggaran belanjawan, dan pihak bertanggungjawab. Pelan kerja Sekretariat kemudiannya akan disemak semula secara berkala oleh MOP sekiranya diperlukan. Sementara itu, Pelan Strategik boleh terus konteks jangka panjang di mana EAAFP beroperasi.

Templat Laporan akan menyediakan setiap MoP lebih dari tempoh masa 10 tahun dengan maklumat tentang perkembangan pelaksanaan Pelan Strategik.

Partnership Resourcing Plan

Pelan Strategik EAAFP 2019-2028 bertujuan untuk mengoptimumkan pelaksanaan EAAFP secara realistik. Pelaksanaan hanya boleh dijamin apabila cara yang sesuai, baik dari segi kewangan atau dari segi keupayaan manusia, boleh didapati untuk Perkongsian. Penggerakan sumber yang diperlukan untuk pelaksanaan Pelan Strategik akan menjadi keutamaan Perkongsian.

Partnership Resourcing Plan akan membantu dalam pembiayaan aktiviti yang dipersetujui dalam Pelan Strategik, Pelan Tindakan CEPA dan aktiviti keutamaan lain sepanjang tempoh 10 tahun. Dengan sokongan Sekretariat, *Partnership Resourcing Plan* menetapkan keutamaan untuk pembiayaan dan pembangunan Pelan Strategik sebagai tugas utama bagi *Finance Sub-Committee*.

2.0 Butiran Pelan Strategik EAAFP 2019 – 2028

Objektif Perkongsian 1- Membina Flyway Network yang mempunyai kepentingan antarabangsa untuk pemuliharaan burung air hijrah, melaksanakan pencapaian Strategi Pemuliharaan Asia-Pacific Migratory Waterbirds, mewujudkan rangkaian kawasan yang mencukupi dan cekap dengan pengurusan yang mampan sebagai matlamat utama.

Ahli rakan-rakan kongsi telah membina Flyway Site Network dalam bilangan yang banyak dan ketara. Flyway Network Sites diuruskan untuk mengekalkan kepentingan antarabangsa bagi burung air hijrah. Kemajuan yang ketara telah dicapai bagi mengelakkan kesan buruk atas kawasan berkepentingan antarabangsa. Standard antarabangsa (International Finance Corporation (IFC) atau yang setaraf) digunakan di dalam dan di samping Flyway Network Sites dan kawasan burung air berkepentingan antarabangsa. Perkembangan pembangunan perkongsian nasional dan kawasan sedang dijalankan. Jenama Flyway Site Network telah dibangunkan untuk meningkatkan pengiktirafan dan pendedahan kawasan berkepentingan antarabangsa bagi burung air hijrah. Flyway Site Network memberi faedah kepada komuniti tempatan dan juga pengurusan kawasan.

Kawasan Key Result	Penanda	Kaedah Pengesahan	Entiti Pelaporan
KRA 1.1 Rangkaian Flyway Network yang komprehensif dan logik dibina bagi burung air hijrah, termasuk kawasan yang bukan dilindungi.	Penanda 1.1.1 Flyway Site Network telah berkembang dan merangkumi sekurang-kurangnya 40 kawasan berkepentingan antarabangsa yang strategik bagi pemuliharaan burung air hijrah, sebilangannya mungkin tidak tersenarai sebagai Kawasan Perlindungan Kebangsaan.	Laporan Rakan Kongsi, <i>Partnership Document Appendix V</i>	Se semua ahli rakan kongsi.
KRA 1.2 Perkongsian Nasional dan Kawasan telah dibangunkan untuk menyelaraskan pelaksanaan EAAFP di peringkat nasional dan tempatan.	Penanda 1.2.1 Garis panduan untuk penubuhan dan operasi perkongsian nasional dan kawasan telah dibangunkan dan dipersetujui.	Garis panduan.	Sekretariat, ahli rakan kongsi.
	Penanda 1.2.2 Sekurang-kurangnya 50% daripada <i>Government Partners</i> mempunyai Perkongsian Nasional yang aktif dan perkongsian tapak telah dibangunkan untuk sekurang-kurangnya 50% dari tapak Flyway Network.	Laporan Rakan Kongsi.	Sekretariat, ahli rakan kongsi.
KRA 1.3 Flyway Network Sites dinilai oleh komuniti dan diurus secara mampan.	Penanda 1.3.1 Sekurang-kurangnya 50% Flyway Network Sites mempunyai rancangan pengurusan semasa yang menangani objektif khusus bagi pemuliharaan burung air hijrah dan habitatnya dan yang harus dilaksanakan dengan secukupnya. Pelan pengurusan mempunyai penyertaan daripada pihak pemegang taruh dan telah diluluskan oleh agensi yang berkaitan.	Laporan Rakan Kongsi.	Ahli rakan kongsi.

	Penanda 1.3.2 Sekurang-kurangnya 50% kawasan <i>Flyway</i> mengiktiraf <i>Flyway Site Network</i> sebagai jenama untuk pemuliharaan burung air hijrah dan habitat mereka di EAAF.	Laporan Rakan Kongsi, Laporan Sekretariat, Laman Web dan surat berita EAAFP.	Sekretariat, ahli rakan kongsi.
	Penanda 1.3.3 Semua rakan kongsi menggunakan dan mematuhi piawaian antarabangsa (IFC atau setaraf) untuk pembangunan di dalam dan di samping FNS dan tapak berkepentingan antarabangsa burung air hijrah. .	Laporan Rakan Kongsi, Jawatankuasa Pemantauan .	Ahli rakan kongsi.
KRA 1.4 Dimana berpututan, Tapak <i>Flyway Network</i> digunakan secara mampan untuk menyokong kehidupan komuniti tempatan.	Penanda 1.4.1 Di mana komuniti tempatan di Tapak <i>Flyway Network</i> bergantung kepada sumber alam di tapak untuk menyara kehidupan sehari-hari, ini berlaku tanpa kesan buruk terhadap burung air hijrah dan habitat mereka.	Laporan Rakan Kongsi, Laman Web dan surat berita EAAFP.	Sekretariat, ahli rakan kongsi.
KRA 1.5 Ahli Rakan kongsi dan pihak pemegang taruh tempatan terlibat dalam bertindak balas terhadap aktiviti yang boleh mengancam tapak <i>Flyway Network</i>.	Penanda 1.5.1 Tahap penglibatan ahli Rakan Kongsi EAAFP dan masyarakat setempat dalam bertindak balas terhadap ancaman ke atas Tapak <i>Flyway Network</i> ditunjukkan dalam jumlah mesyuarat dan acara yang diadakan serta bilangan peserta yang hadir.	Laporan Rakan Kongsi, Laporan kumpulan kerja yang berkaitan dan Jawatankuasa.	Ahli rakan kongsi, Kumpulan Kerja yang berkaitan dan Jawatankuasa.
KRA 1.6 Program <i>Sister Site</i> EAAFP telah dikembangkan.	Penanda 1.6.1 Sekurang-kurangnya lima hubungan <i>Sister Site</i> EAAFP baru telah dibangunkan.	Laporan Rakan Kongsi dan Laporan Sekretariat.	Sekretariat, ahli rakan kongsi.
KRA 1.7 Keanggotaan EAAFP telah meningkat bagi memberikan kesan yang lebih baik untuk burung air hijrah dan habitatnya.	Penanda 1.7.1 Keanggotan telah meningkat.	Appendix I dari Partnership Document	<i>Sekretariat, Management Committee.</i>

Objektif Perkongsian 2 - Meningkatkan komunikasi, pendidikan, penyertaan dan kesedaran awam tentang nilai-nilai burung air hijrah dan habitat mereka.

Ahli rakan kongsi mengiktiraf penglibatan pihak **pemegang taruh** di CEPA dalam pemuliharaan burung air hijrah dan habitat mereka. Ahli rakan kongsi merancang dan melaksanakan komunikasi yang efektif, pendidikan dan aktiviti peningkatan kesedaran serta memulakan kerjasama secara aktif untuk menjamin pemuliharaan burung air hijrah yang berkesan dan pengurusan habitat mereka secara mampan.

Ini akan dicapai melalui sokongan jangka panjang bagi penjagaan wetland, termasuk oleh masyarakat setempat. Ahli rakan kongsi mengembangkan pengetahuan rangkaian laluan *flyway* untuk berkongsi maklumat, kemahiran dan pengetahuan, termasuk pengetahuan amalan baik tradisional alam sekitar melalui aktiviti CEPA.

Kawasan Key Result	Penanda	Kaedah Pengesahan	Entiti Pelaporan
KRA 2.1 Pencapaian unsur-unsur dalam EAAFP CEPA Action Plan (2019-2024).	Penanda 2.1 <i>CEPA Action Plan</i> telah dipantau, dikaji semula dan dikemas kini sekiranya perlu untuk memaklumkan kepada EAAFP.	Laporan Rakan Kongsi, WG dan TF dan Laporan Sekretariat.	Laporan Rakan Kongsi, WG dan TF dan Laporan Sekretariat.

Objektif Perkongsian 3 - Meningkatkan aktiviti penyelidikan dan pemantauan *flyway*, membina pengetahuan dan menggalakkan pertukaran maklumat mengenai burung air dan habitatnya.

Ahli rakan kongsi, *Working Groups* dan *Task Forces* telah melaksanakan program dan mekanisme kerjasama yang berkesan yang menyumbang kepada pengetahuan tentang kesan perubahan iklim dan penggunaan secara mampan terhadap pemuliharaan burung air hijrah dan habitat mereka. Program penyelidikan adalah relevan dan memberi sokongan berharga bagi pemuliharaan dan usaha pengurusan yang mampan (terutamanya penggunaan sumber secara mampan bagi menyara kehidupan penduduk tempatan). Penyelidikan menggunakan pengetahuan serta maklumat tradisional dan tempatan yang didapati melalui aktiviti penyelidikan dan kajian kes. Hasilnya dikongsi dan digunakan dalam pemuliharaan burung air hijrah dan habitatnya. Senarai kawasan kepentingan antarabangsa bagi burung air hijrah akan dikemaskini dan diutamakan untuk pengurusan pemuliharaan. Data yang menggambarkan tentang trend dan pengagihan populasi burung air akan dikenalkan oleh Perkongsian. Pemantauan, termasuk penggunaan *citizen science*, dinilai sebagai alat untuk memacu penyelidikan dan menyokong membuat keputusan untuk mengenal pasti dan memperbaiki faktor penurunan populasi burung air hijrah dan pemuliharaan habitat mereka.

Kawasan Key Result	Penanda	Kaedah Pengesahan	Entiti Pelaporan
KRA 3.1 Sistem pemantauan nasional untuk menilai status burung air hijrah dan habitat mereka ditubuhkan, dikenalkan dan dipertingkatkan.	Penanda 3.1.1 Metodologi pengawasan yang piaui untuk burung air hijrah dan habitat mereka dibangunkan dan digunakan dalam program pemantauan yang diselaraskan secara nasional.	Laporan Rakan Kongsi, Laporan Jawatankuasa Pemantauan.	Ahli Rakan Kongsi, Jawatankuasa Pemantauan.

	Penanda 3.1.2 Semua negara rakan kongsi n mempunyai program pemantauan yang selaras di peringkat nasional.	Laporan Rakan Kongsi	Ahli Rakan Kongsi, Jawatankuasa Pemantauan.
KRA 3.2 Ulasan status pemuliharaan untuk populasi burung air dihasilkan dan dikemas kini bagi menetapkan dan menyesuaikan keutamaan untuk tindakan.	Penanda 3.2.1 Data yang menggambarkan anggaran populasi, trend dan pengagihan burung air boleh didapati kepada Perkongsian.	Laporan Rakan Kongsi, Status Kajian Pemuliharaan.	Ahli Rakan Kongsi, <i>Wetlands International, Technical Sub-Committee</i> , Kumpulan Kerja yang berkaitan.
	Penanda 3.2.2 Dua laporan kemas kini tentang anggaran populasi burung air telah dihasilkan dan diterbitkan.	Laporan <i>Technical Sub-Committee</i> , Laman Web dan Surat Berita EAAFP.	<i>Wetlands International, Technical Sub-Committee</i> , Sekretariat.
KRA 3.3 Senarai Kawasan kepentingan antarabangsa burung air hijrah yang telah dikemas kini untuk pengurusan pemuliharaan dan keutamaan.	Penanda 3.3.1 Senarai terkini kawasan berkepentingan antarabangsa bagi burung air hijrah untuk pengurusan pemuliharaan dan keutamaan akan dikekalkan oleh Perkongsian.	Laporan Rakan Kongsi, laporan Kumpulan Kerja yang berkaitan, Laman Web dan Surat Berita EAAFP.	Ahli Rakan Kongsi, Technical Sub-Committee, Kumpulan Kerja yang berkaitan, Sekretariat.
KRA 3.4 Persefahaman yang lebih kuat dikembangkan atas impak perubahan iklim terhadap burung air dan habitatnya dan ini memberi maklumat tentang perancangan dan pengurusan tapak.	Penanda 3.4.1 Pengetahuan yang lebih baik tentang ancaman, termasuk kesan perubahan iklim, terhadap burung air hijrah dan habitat mereka dikongsi dan tindakan yang sesuai diambil jika perlu.	Laporan Rakan Kongsi, laporan institusi penyelidikan, laporan kumpulan kerja dan Jawatankuasa yang berkaitan, Laman Web dan Surat Berita EAAFP.	Ahli Rakan Kongsi, <i>Technical Sub-Committee</i> , Kumpulan kerjad dan Jawatankuasa yang berkaitan, Sekretariat.
KRA 3.5 Program kerjasama penyelidikan ditubuhkan untuk menyediakan sokongan yang berkesan kepada usaha pemuliharaan dan pengurusan yang mampan, terutamanya penggunaan sumber secara mampan bagi memberi manfaat kepada kehidupan penduduk tempatan.	Penanda 3.5.1 Program penyelidikan untuk meningkatkan pemuliharaan dan hasil pengurusan yang mampu telah meningkat.	Laporan Rakan Kongsi, laporan institusi penyelidikan, laporan kumpulan kerja, Laman Web dan Surat Berita EAAFP.	Ahli Rakan Kongsi, <i>Technical Sub-Committee</i> , Kumpulan kerja dan Jawatankuasa yang berkaitan, Sekretariat.
	Penanda 3.5.2 Pengetahuan yang berhasil sedang dilaksanakan di sekurang-kurangnya 50% kawasan		

	bekepentingan antarabangsa bagi burung air hijrah.		
KRA 3.6 Garis panduan amalan baik untuk program pemuliharaan burung air dan habitat, termasuk integrasi pengetahuan tradisional, telah dibangunkan dan disediakan.	Penanda 3.6.1 Garis panduan amalan terbaik boleh didapati di laman web EAAFP.	Laporan Rakan Kongsi, laporan kumpulan keja, Laman Web dan Surat Berita EAAFP.	Sekretariat, ahli rakan kongsi, <i>Technical Sub-Committee</i> , Kumpulan kerja dan Jawatankuasa yang berkaitan.

Objektif Perkongsian 4 – Membina keupayaan pengurusan habitat dan burung air bagi pengurus sumber semula jadi, pembuat keputusan dan pihak pemegang taruh tempatan.

Membina kemahiran dalam *Flyway* diiktiraf sebagai keutamaan. Ahli Rakan kongsi dan Sekretariat telah menyediakan alat latihan dan bantuan yang diperlukan bagi *site manager*, pengurus sumber, pembuat keputusan dan pihak pemegang taruh tempatan. Pemahaman yang baik tentang pemuliharaan burung air hijrah, isu-isu pengurusan wetland, pengurusan lestari tapak dan isu-isu sumber kehidupan komuniti tempatan telah diterima sebagai sebahagian daripada pembangunan kemahiran yang berkesan. Ahli Rakan kongsi berkongsi tentang pengalaman dan kejayaan membina kemahiran secara inovatif dan alat yang digunakan.

Kawasan Key Result	Penanda	Kaedah Pengesahan	Entiti Pelaporan
KRA 4.1 EAAFP menggalakkan penggunaan pelbagai alat latihan yang sedia ada dan memberikan bantuan untuk menangani cabaran di kawasan Flyway Network Sites.	Penanda 4.1.1 Semua ahli Rakan kongsi dan Sekretariat mempunyai mekanisme bagi pembangunan keupayaan untuk memudahkan perkongsian pengetahuan, alat dan pengalaman.	EAAFP <i>Focal Point Manual</i> , Laporan Sekretariat.	Sekretariat.
	Penanda 4.1.2 Ahli Rakan kongsi dan Sekretariat memasukkan penilaian pembangunan keupayaan dalam cadangan projek.	Laporan Rakan Kongsi, Laporan Sekretariat.	Ahli Rakan Kongsi, Sekretariat

	Penanda 4.1.3 Manual latihan teknikal dalam talian EAAFP bagi pengurusan kawasan <i>Flyway</i> disokong dan digunakan oleh sekurang-kurangnya 50% Pengurus kawasan <i>Flyway</i> .	Laporan Rakan Kongsi, Laporan Sekretariat.	Ahli Rakan Kongsi, Sekretariat
KRA 4.2 Keupayaan <i>Focal Points</i> Rakan Kongsi dan site manager untuk mencapai objektif EAAFP telah meningkat.	Penanda 4.2.1 Panduan pelaksanaan EAAFP untuk <i>Focal Points</i> dihasilkan dan diedarkan, menyediakan satu set bahan sumber untuk pelaksanaan dan kesedaran EAAFP.	Laporan Rakan Kongsi, Surat berita EAAF, Laporan latihan, Laporan Sekretariat.	Ahli Rakan Kongsi, Sekretariat.
	Penanda 4.2.2 Sekurang-kurangnya satu mesyuarat <i>Focal Points</i> Rakan Kongsi termasuk pengurus laman web, diadakan setiap tahun.	Laporan Rakan Kongsi, Surat berita EAAF, Laporan latihan, Laporan Sekretariat	Ahli Rakan Kongsi, Sekretariat
	Penanda 4.2.3 Semua <i>Focal Points</i> mengemukakan Laporan Rakan Kongsi mereka terlebih dahulu kepada setiap MoP.	Laporan Rakan Kongsi, Laporan Sekretariat.	Ahli Rakan Kongsi, Sekretariat
KRA 4.3 Korporat dengan operasi yang memberi kesan kepada burung air hijrah dilibatkan dalam menyampaikan hasil yang lebih baik untuk pemuliharaan burung air dan habitatnya.	Penanda 4.3.1 Peningkatan bilangan kawasan dan program berkepentingan antarabangsa, di mana Korporat menyumbang kepada hasil positif bagi burung air hijrah dan habitatnya.	Laporan Rakan Kongsi, Laporan Sekretariat.	Ahli Rakan Kongsi, Sekretariat

Objektif Perkongsian 5 - Membangunkan, terutama sekali spesies dan habitat utama, dan meningkatkan status pemuliharaan burung air hijrah melalui *Flyway wide approach*.

burung air hijrah yang terancam dilindungi daripada ancaman dan populasinya semakin meningkat. Ancaman terhadap habitat burung air hijrah dikurangkan. Maklumat mengenai usaha ini dikongsi dengan *Perkongsian Flyway*. Ahli Rakan kongsi juga aktif bekerjasama dan mengejar tindakan untuk memulihara burung air hijrah dan habitat mereka di EAAF. Ahli-ahli Rakan kongsi menggunakan perjanjian pelbagai hala dan bilateral yang berkaitan serta mekanisme serantau yang lain, disamping mengarusperdanakan pemuliharaan burung air hijrah dan habitat mereka ke dalam instrumen polisi negara termasuk adaptasi terhadap kesan perubahan iklim. Perkongsian ini berdedikasi demi kerjasama yang lebih baik dan perkongsian maklumat dengan inisiatif *Flyway* yang lain.

Kawasan Key Result	Penanda	Kaedah Pengesahan	Entiti Pelaporan
KRA 5.1 Ahli Rakan kongsi secara aktif bekerjasama untuk membangunkan pendekatan bagi memulihara burung air hijrah dan habitat mereka di EAAF merentasi sempadan nasional.	Penanda 5.1.1 Sekurang-kurangnya 50% ahli Rakan kongsi bekerjasama merentasi sempadan nasional untuk pemuliharaan burung air hijrah, terutamanya burung air hijrah yang terancam.	Laporan Rakan Kongsi, laporan Kumpulan kerja dan Jawatankuasa yang berkaitan, laporan <i>Technical Sub-Committee</i> , Laman Web dan Surat Berita EAAFP.	Ahli Rakan Kongsi, Kumpulan kerja dan Jawatankuasa yang berkaitan, <i>Technical Sub-Committee</i> , Sekretariat.
KRA 5.2 burung air hijrah yang terancam dilindungi daripada ancaman dan populasi adalah stabil atau meningkat.	Penanda 5.2.1 Perkongsian ini, dengan pimpinan dari IUCN, BirdLife International & Wetlands International, sedang mengemaskini dan menyelenggara senarai populasi <i>migratory birds</i> yang terancam dan menggalakkan Rakan kongsi Kerajaan untuk melindungi populasi terancam ini di bawah undang-undang negara.	Laporan Rakan Kongsi, laporan Kumpulan kerja dan Jawatankuasa yang berkaitan, laporan <i>Technical Sub-Committee</i> , Status Kajian Pemuliharaan, Anggaran Populasi Burung Air dan Senarai IUCN <i>Red List</i> .	Ahli Rakan Kongsi, Kumpulan kerja dan Jawatankuasa yang berkaitan.
	Penanda 5.2.2 Tindakan Pelaksanaan Spesies Tunggal dibangunkan dan dilaksanakan untuk spesies burung air hijrah terancam di EAAF.	Laporan Rakan Kongsi, laporan Jawatankuasa yang berkaitan	Ahli Rakan Kongsi, Jawatankuasa yang berkaitan.
	Penanda 5.2.3 Sama ada populasi spesies burung air hijrah yang terancam adalah stabil atau meningkat.	Laporan Rakan Kongsi, laporan Kumpulan kerja dan Jawatankuasa yang berkaitan, laporan <i>Technical Sub-Committee</i> ; Status Kajian Pemuliharaan, Anggaran Populasi Burung Air dan IUCN <i>Red List</i> .	Ahli Rakan Kongsi, <i>Technical Sub-Committee</i> , Kumpulan kerja dan Jawatankuasa yang berkaitan.
KRA 5.3 Pelan Tindakan Serantau dibangunkan dan dilaksanakan untuk kawasan geografi utama di EAAF.	Penanda 5.3.1 Pembangunan dan pelaksanaan Pelan Tindakan Serantau bagi kawasan geografi dengan ancaman kritikal yang sama di EAAF.	Laporan Jawatankuasa yang berkaitan.	Ahli Rakan Kongsi, Jawatankuasa yang berkaitan.
KRA 5.4 Langkah-langkah untuk mengurangkan, jika boleh	Penanda 5.4.1 Semua ahli Rakan kongsi Kerajaan mempunyai mekanisme untuk	Laporan Rakan Kongsi, Laporan Jawatankuasa Pemburuan	Jawatankuasa Pemburuan Haram,

menghapuskan, pemburuan haram, pengambilan dan perdagangan burung air hijrah dibangunkan dan dilaksanakan.	mengurangkan dan, jika boleh menghapuskan pemburuan haram, pengambilan dan perdagangan burung air hijrah.	Haram, Pengambilan dan Perdagangan burung air hijrah, Laman Web dan Surat Berita EEAFP.	Pengambilan dan Perdagangan burung air hijrah, Ahli Rakan Kongsi, Sekretariat.
KRA 5.5 Pemuliharaan burung air hijrah dan habitatnya diarusperdanakan ke dalam undang-undang kebangsaan dan/atau sebagai instrumen polisi termasuk adaptasi terhadap kesan perubahan iklim.	Penanda 5.5.1 Semua Rakan kongsi Kerajaan mempunyai perundungan nasional dan/atau instrumen polisi yang berkaitan termasuk peruntukan mengenai pemuliharaan burung air hijrah dan habitat mereka.	Laporan Rakan Kongsi.	Rakan kongsi Kerajaan.
KRA 5.6 Pemuliharaan burung air hijrah dan habitatnya diintegrasikan ke dalam perjanjian multilateral dan bilateral yang relevan dan juga mekanisme serantau yang lain.	Penanda 5.6.1 Perjanjian alam sekitar yang relevan mengakui EAAFP sebagai rangka kerja serantau yang efektif untuk memulihara burung air hijrah dan habitat mereka.	Keputusan diadaptasi oleh MEA dan BA yang berkaitan.	Ahli Rakan Kongsi, Sekretariat